



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPJ/JK/SH(S)/10/2020

Tajuk Sebut Harga :

**PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PERCETAKAN BAHAN PROMOSI SERTA MEMASANG DAN
MENURUNKAN BUNTING, BANNER DAN BILLBOARD BAGI PROGRAM, ACARA DAN KEMPEN JUBLI
PERAK PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM/MOF)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Kod Bidang 221402 - Hiasan Jalan/Kawasan** (tidak termasuk pelanskapan dan seni taman) **DAN 221601 - Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar ATAU 221615 - Rekabentuk Percetakan (Printing Design)** untuk melaksanakan projek tersebut.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **2 Mac 2021 (Selasa) hingga 5 Mac 2021 (Jumaat)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM 50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**.
3. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **Satu (1) Salinan** sijil yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas tidak lewat dari Jam **12.00** tengahari pada **10 Mac 2021 (Rabu)**.
5. Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini boleh layari laman <https://dcoins.ppj.gov.my> bagi tujuan pendaftaran kontraktor/syarikat.

(DATUK Pr. AZIZI BIN AHMAD TERMIZI)
NAIB PRESIDEN KANAN
Jabatan Perkhidmatan Korporat
Perbadanan Putrajaya